

Jangan t&sub mahu jadi PM: Dr M

Oleh Norbakti Alias
dan Hassan Omar

JITRA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan pemimpin Umno agar tidak terlalu taksu untuk merebut jawatan Perdana Menteri.

Sebaliknya, Perdana Menteri mahu pemimpin semua peringkat jujur dalam memperjuangkan nasib agama, bangsa dan negara selaras dengan perjuangan parti, bukan hanya mementingkan diri sendiri.

"Saya sendiri ketika menjual pisang goreng di Pekan Rabu, begitu juga selepas menjadi doktor, tidak pernah bermimpi menjadi Perdana Menteri.

"Malah, ada pihak yang cuba menghalang saya menyertai parti, mungkin takut akan kehilangan jawatan jika saya masuk politik," katanya.

- Pas tiada peluang terajui kerajaan
- Sukar ubah perjanjian jual air

Di Muka 2 --

Dr Mahathir berkata, beliau juga tidak pernah berkempen menonjolkan diri untuk dilantik menjadi Timbangan Perdana Menteri oleh Tun Hussein Onn.

"Banyak pemimpin lain yang boleh dilantik oleh Tun Hussein seperti Tengku Razaleigh (Hamzah) atau Tan Sri Ghazali (Shafie).

"Saya langsung tak berkempen untuk dapatkan jawatan itu, tak keluar duit pun... Orang tahu saya bakhil," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung Umno Bahagian Kubang Pasu di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Nyiur di sini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, turut merasmikan Dewan Darul Qiyam di sekolah itu serta Sistem Pengurusan Pengundi Parlimen Kubang Pasu.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir juga meminta ahli Umno supaya lebih serius mendekati diri dengan pengundi dan bukan hanya duduk bersebang di kedai kopi.

"Pergerakan Wanita lebih rajin daripada lelaki, mereka ada Kumpulan 10 yang bergerak dari rumah ke rumah sedangkan lelaki lebih senang duduk di kedai kopi yang tidak mendatangkan keuntungan kepada parti.

"Kita harus rajin membuat kerja parti bagi menjamin kejayaan dalam pilihan raya umum akan datang," katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri meminta tidak ada pihak yang menyekat ke-masukan keahlian Puteri Umno yang nyata cukup bersemangat dalam menjal-lankan kerja parti.

"Walaupun ada pihak yang mendakwa ke-ahlian Puteri hanya ada 730 orang, sebenarnya jumlahnya lebih tinggi daripada itu.

"Tapi, proses kemasukan Puteri Umno itu sering terganggu dan diganggu sedang-kan kita seharusnya menyambut mereka dengan baik.

"Umno tidak boleh kekal semata-mata dengan ahli tua. Umno akan kecut dan hilang sama seperti generasi tua.

"Kalau tak mahu Umno hilang, jangan halang generasi muda untuk sama-sama berjuang dengan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, Puteri Umno akan diiktiraf sebagai sayap Umno selepas me-syuarat agung parti itu bulan depan.

"Mereka akan bergerak bersama Wanita Umno atau secara berasingan, jika perlu, dalam usaha mengekalkan Umno sebagai parti politik yang unggul di negara ini," katanya.